

Pengkarya: Amar Shahid Bin Salehudin

Cadangan tajuk : KONGRES/MILIK

Media: pelbagai

Penerangan karya:

Karya ini adalah suatu bentuk karya penceritaan rentas media (*transmedia storytelling*) yang merangkumi beberapa strategi estetik dalam medium fizikal dan digital.

Karya ini mengandungi 3 (tiga) komponen utama. Dua daripadanya adalah karya fizikal, dan satu lagi adalah penerbitan digital.

Karya media baru ini boleh didefinisikan sebagai satu bentuk karya ARG (*Alternate Reality Game*), di mana beberapa media yang berbeza bergabung untuk menceritakan suatu naratif.

Komponen Karya:

Berikut adalah 3 komponen karya yang dicadangkan:

- Penerbitan podcast dan temuramah serta *blurb* dalam beberapa media sosial utama
- Pemasangan set rakaman di studio
- Pemasangan arca beduk / toy packaging di lokasi muzium negara

Ketiga-tiga komponen ini dicadangkan di tiga tempat berbeza.

Ketiga-tiga komponen ini bertindak menceritakan tentang sebuah naratif "Kongres" - Sebuah entiti kebudayaan yang cuba mengambil milik nama/tanda dagang "Kongres Kebudayaan Kebangsaan" yang dizahirkan pada 1971.

Karya ini memperbahaskan tentang milikan: siapakah yang memiliki "Kongres" ini? dan siapa yang berhak menentukan naratif budayanya? Apakah kriteria yang mendefinisikan sesebuah milikan?

Saya memberi hipotesis yang pemilikan naratif kongres ini bukanlah melalui sidang meja bulat atau prosiding birokrasi, tapi melalui penguasaan media: sepertimana strategi penguasaan media yang banyak dipakai mutakhir ini untuk mengawal atau mengacukan naratif.

Saya menzahirkan kemungkinan ini dengan cubaan menguasai tanda identiti "Kongres Kebudayaan Kebangsaan" di media maya: dengan membeli hakmilik *web domain* "KongresKebudayaanKebangsaan.com" dan mendaftar nama Kongres Kebudayaan Kebangsaan di laman media sosial terpilih, serta bercadang melancarkannya pada tahun 2021 - tepat 50 tahun selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 diwartakan.

Perincian tentang strategi estetik komponen karya yang dinyatakan tersebut akan dibincangkan lebih lanjut dalam kertas cadangan ini.

Karya ini bertujuan membedah dan menanyakan soal-an:

- Apakah yang dimaksudkan dengan 'Milikan' di dalam sesuatu karya dan naratif kebudayaan secara umum?
- Siapakah yang memiliki hak keatas keberadaan sesuatu karya dan naratifnya?
- Apabila diberi kebebasan ruang dan lokasi, apakah perlu milikan definisi itu hanya pada ruang fizikal atau sebaliknya?

Di samping itu, ia juga bertujuan menanyakan dan membahaskan definisi "Seni di lokasi" :

- Apakah lokasi perlu hanya dalam bentuk fizikal untuk memungkinkan naratif sesuatu karya, atau adakah definisi "lokasi" itu sendiri tertakluk pada terjemahan yang berbeza?
- Bagaimanakah pula lokasi yang dipilih mempengaruhi naratif dan konteks karya tersebut?
- Bagaimakah pula dengan unsur pemilihan masa (*time-based choices*)? Jika pemilihan masa digunakan dengan secara tepat untuk menyokong naratif, adakah "masa" juga boleh ditafsirkan sebagai sebuah strategi naratif/estetik yang sah dan dikira memenuhi kriteria "lokasi"?

Soalan-soalan ini akan cuba dijawab di penghujung kertas cadangan ini, bersama cadangan karya yang berkaitan.


KOMPONEN 1: MEDIA MAYA

Naratif karya/Kongres ini akan coba saya zahirkan dalam komponen terpentingnya: Media Sosial/Media Maya.

Bentuk utama karya ini akan dizahirkan dalam bentuk hantaran (postings) dan video podcast temuramah artis yang akan berkisar tentang perbincangan kebudayaan umum dan Kongres Kebudayaan Kebangsaan sebagai sebuah entiti.

Hanya dengan sahnya pemilikan terhadap laman maya yang relevan, barulah komponen karya ini boleh dizahirkan ke potensi sebaik mungkin. Berikut adalah bukti pendaftaran laman sosial dan pembelian *domain name* untuk nama/tanda dagang "Kongres Kebudayaan Kebangsaan":

- Pemilikan nama domain kongreskebudayaankebangsaan.com




dashboard domain




resit pembelian dan pendaftaran

● Username Youtube Kongres Kebudayaan Kebangsaan




halaman dashboard Youtube Kongres Kebudayaan Kebangsaan

● Username Facebook Kongres Kebudayaan Kebangsaan



halaman dashboard facebook Kongres Kebudayaan Kebangsaan

● Username Instagram Kongres Kebudayaan Kebangsaan



halaman *dashboard* (mobile) instagram Kongres Kebudayaan Kebangsaan

Segala maklumat mengenai perincian *content* di dalam halaman media yang disenaraikan ini akan diperincikan di dalam dokumen "Cadangan Lokasi", serta garis masa yang dicadangkan untuk pemasangan/penerbitannya.

KOMPONEN 2: SET RAKAMAN / STUDIO

Studio fizikal yang akan digunakan untuk rakaman temuramah dan post-processing akan dikira sebagai sebahagian dari karya fizikal penyertaan ini. Manifesatsi studio ini akan dikira sebagai sebahagian dari *body of work*.

Proses pembinaan dan ubahsuai studio ini telah pun berjalan, dan akan disiapkan dalam masa yang terdekat. Kelengkapan rakaman telah pun disediakan.



Set studio rakaman yang sedang dalam pembikinan


Lokasi studio ini terletak di:

292C, Jalan Bandar 11, Taman Melawati

Studio rakaman ini adalah sebahagian dari studio saya yang merupakan unit rumah kedai yang disewa untuk tujuan studio kegunaan sendiri dan juga untuk tujuan penyertaan pertandingan bakat muda sezaman 2021.

Studio ini dipilih penyewaan kerana lokasinya: ia terletak bersebelahan MIA (Malaysian Institute of Art). Ini adalah suatu konotasi yang cuba dimainkan dalam karya ini, sepertimana pemilihan lokasi komponen seterusnya. Malah studio yang kini digunakan adalah disewa oleh MIA sebelumnya, dan digunakan sebagai ruang studio kelas untuk pelajar MIA. Pemilihan lokasi ini memang disengajakan untuk melengkapkan naratif karya ini: jika studio rakaman "kongres" ini terletak bersebelahan institut kesenian, maka pelbagai kemungkinan naratif boleh dibuat, yang akan memperkayakan lagi naratif fiksiyen "Kongres" ini dan permainan kuasa naratifnya.

Hanya sebahagian dari lantai unit kedai yang akan digunapakai sebagai karya (*actual body of work*):



KOMPONEN 3: ARCA BEDUK

komponen fizikal yang akan menjadi *content* dalam karya ini adalah arca beduk yang diubahsuai dari kayu beduk / kentungan asli.

Beduk yang digunakan ini adalah artifak sejarah sebenar yang diambil dari surau Kampung Sungai Bil, Slim River, Perak. Beduk ini telah dibuang dan menjadi sisa apabila surau ini dinaiktaraf. Saya kutip dan simpan beduk ini dengan harapan dan cadangan untuk menjadikannya sebuah karya, yang akan dipersembahkan pada pertandingan BMS1 ini.




Beduk asli yang akan diolah menjadi arca

Arca beduk ini akan diolah berdasarkan pembungkusan permainan figura aksi yang memberi peluang penonton berinteraksi dengan karya (melalui bukaan "try me" di hadapan arca / pembungkusan)


berikut adalah contoh pembungkusan yang menjadi rujukan untuk karya ini:



berikut adalah kajian dimensi arca yang dikaji, dan kaitan nisbah saiznya:



berikut adalah kajian dimensi arca yang dicadangkan, serta bentuk anggaran keseluruhan ukuran arca:



Imej kajian bentuk:




Kajian bentuk awal (berdasarkan pemegang beduk/kentungan)



Beduk dalam perumah/pembungkusan

Cadangan bentuk karya akhir dan perinciannya:



Rekaan ini adalah sebagai cadangan, dan bukan rekaan akhir. Artis bercadang untuk mengubahsuai lagi rekaan ke arah lebih grafik, dengan cadangan dan nasihat kuratorial dari team kurator BMS 2021.

Karya arca beduk ini dicadangkan untuk dipasang di perkarangan taman di sebelah Muzium Negara.

Lokasi ini dipilih kerana konotasi sejarah muzium negara sebagai suatu institusi yang lebih berat menumpukan sejarah dari memperkenalkan seni kontemporari. Dengan ini juga diharapkan nasihat jabatan konservasi muzium negara dapat diperoleh dalam pemasangan ini, sekiranya dibenarkan.



PERIHAL STATUS KEBENARAN PIHAK MUZIUM NEGARA:

Pihak artis telah berbincang secara lisan dengan personel kurator Muzium Negara berkenaan kebenaran pemasangan arca, dan telah disambut baik. Bagaimanapun, ketika kertas cadangan ini sedang disiapkan, Sebahagian besar staf muzium tidak dibenarkan ke pejabat kerana jangkitan Covid-19 yang telah meletakkan sebahagian staf dalam jagaan rapi hospital dan staf muzium dalam keadaan berjaga-jaga.

Oleh kerana kesukaran hubungan pejabat, maka kebenaran bertulis belum dapat diterima secara bercetak. Kebenaran rasmi ini memerlukan persembahan slaid dan perjumpaan yang tidak dibenarkan di bawah SOP.

Proses kebenaran rasmi ini, walaupun disambut baik, perlu menunggu status PKP yang membenarkan tindakan seterusnya, dan akan disambung sejurus sahaja dibenarkan oleh pihak kerajaan, bergantung pada SOP yang dikeluarkan MKN.


Lokasi sebenar pemasangan juga akan tertakluk pada budi bicara akhir dari pihak pengurusan Muzium Negara.

Contingency plan: sekiranya gagal mendapat kebenaran pihak Muzium Negara

Sekiranya Artis gagal mendapatkan kebenaran muzium negara untuk pemasangan arca, arca akan dipasang di perkarangan studio 292C, di kawasan public area yang membolehkan interaksi:




(Arca akan dipasang dalam keadaan digantung ke dinding)



Logo Kongres Kebudayaan Kebangsaan

Naratif karya ini akan disatukan dengan penggunaan logo Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang direka-olah untuk keseluruhan karya ini:



Logo ini diolah dari tiga huruf jawi 'Kaf' yang memberi maksud akronim perkataan "Kongres Kebudayaan Kebangsaan".

Logo ini akan digunapakai di dalam ketiga-tiga komponen karya ini.

SOALAN LAZIM & AKHIR KATA

Soalan lazim berkaitan karya ini:

● **Bagaimana jika tidak mendapat kelulusan pihak muzium untuk pemasangan karya?**

Seperti yang dijelaskan di atas, karya arca akan dipamerkan di perkarangan studio artis sekiranya gagal mendapatkan kebenaran pihak muzium.

● **Apa akan terjadi pada pemilikan domain dan username sekiranya karya ini tidak dipamerkan untuk BMS 2021?**

Sekiranya gagal melepasi pameran BMS 2021, projek ini tetap akan diteruskan dengan naratifnya sendiri, mengikut kesesuaian artis. Hakmilik domain dan username kekal menjadi milik artis.

● **Apa akan terjadi selepas pameran? Adakah karya ini dan platformnya terus berkembang sendiri?**

Ya. Karya ini dilihat sebagai sesuatu karya yang hidup dan bergerak sendiri sehingga suatu waktu yang belum ditetapkan.

● **Apa yang dimaksudkan dengan time-based sebagai sebuah pilihan lokasi oleh artis?**

Karya ini memperkenalkan kebetulan masa sebagai sebuah cirinya. Projek ini dilancarkan pada genap 50 tahun Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971, yang memberi cadangan legitimasi terhadap keberadaannya sebagai sebuah naratif terkini seni visual Malaysia. Ia juga dicadang untuk dilancarkan di Bakat Muda Sezaman 2021 (BMS 2021), yang boleh dibaca sebagai BMS abad ke-21, sebagai suatu karya yang mewakili abad ini. Selain itu, pemilihan lokasi (MIA, Muzium Negara) juga memainkan peranan dalam kekuatan naratifnya.

● **Apa akan terjadi pada domain dan username selepas pameran? Adakah ia akan dibuka untuk bidaan?**

Ini adalah sesuatu yang hanya boleh dipastikan sehingga pertandingan berakhir.

● **Bagaimanakah status legal projek kongres ini? Bolehkah digunapakai nama ini sebagai projek persendirian?**

Ini adalah sesuatu yang diharapkan untuk dikaji dan diteroka dalam projek ini oleh artis dengan penglibatan dan nasihat kurator BMS2021, serta hasilnya dikongsi bersama seniman sebagai sebuah dialog seni/perundangan yang menarik dan bermanfaat.

● **Adakah projek ini melanggar mana mana etika atau perlembagaan Malaysia?**

Projek ini, dan artis secara persendirian, tidak berhasrat untuk melanggar apa apa peraturan perundangan ataupun perlembagaan. projek ini dilancarkan pada BMS untuk mengambil kesempatan meminta nasihat dan pandangan para kurator Balai Seni dalam kaedah terbaik untuk bergerak ke hadapan dan bekerjasama dalam dialog seni ini. Ini dipercayai adalah cara yang terbaik, selain daripada bergerak sendiri tanpa nasihat kurator Balai Seni Visual Negara.

Artis, secara persendirian, sangat mengalu-alukan penglibatan pihak balai untuk memastikan kejayaan projek ini, supaya ia boleh bergerak ke hadapan sambil menghormati semua keperluan perundangan dan perlembagaan.